

# Kilang tauhu **meletup**

Mohd Azam Shah Yaacob  
news@nstp.com.my

## ■ Penjaga bangunan lari api marak musnah premis

### Ampang

**P**enduduk sekitar Kampung Baru Ampang, di sini, terkejut apabila mendengar bebera-

pa letupan susulan kebakaran kilang tauhu, dekat sini, jam 6 pagi semalam.

Bagaimanapun, kejadian yang memusnahkan 60 peratus bangunan kilang itu tidak membabitkan sebarang kemalangan jiwa.

Ketua Cawangan Pengu- rusan Operasi dan Balai Ja- batan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sela- ngor Alimaddia Bukri ber- kata, pihaknya menerima panggilan pada jam 6.02 pagi dan 19 anggota dikejarkan ke lokasi untuk memadamkan kebakaran.

“Sebaik tiba, api sudah marak, namun berjaya di- padamkan selepas 45 minit.

“Hasil pemeriksaan men- dapati tiada pekerja di kilang berkenaan ketika kebakaran dan penjaga bangunan juga sempat menyelamatkan diri sebaik menyedari kebaka- ran itu,” katanya ketika di- hubungi, di sini, semalam.

Katanya, punca sebenar kebakaran dan jumlah kerugian akibat kejadian itu masih dalam siasatan lanjut.



ALIMADDIA

ANGGOTA bomba dari Balai Ampang memadamkan kebakaran kilang tauhu di Kampung Baru Ampang.

